

JIKA semasa bekas Presiden Amerika Syarikat ke-42, William Jefferson 'Bill' Clinton atau lebih terkenal dengan panggilan Bill Clinton (dari Parti Demokrat) yang mengetuai pentadbiran Washington dari tahun 1993-2001, sistem politik antarabangsa diselubungi dengan ledakan arus globalisasi. Seantero pelosok rantau, seakan dipacu kepada satu golekan roda globalisasi yang lebih berasaskan kepada parameter dunia tanpa sempadan dan pasaran bebas. Setiap unit dan rejim politik antarabangsa, negara dan bukan aktor negara terutamanya syarikat transnasional korporat antarabangsa, bersaing antara satu sama lain untuk mencapai semaksimum mungkin agihan keuntungan dan kekayaan yang dijanjikan dalam bentuk 'keuntungan yang bersifat relatif' (relative gains) dan bukannya dalam bentuk absolute gains ataupun zero-sum-game policy.

Setiap negara khususnya telah menobatkan agenda perkembangan ekonomi pesat sebagai halatuju utama agar selari dengan arus perdana globalisasi dunia. Negara-Negara Membangun termasuklah negara-negara di Asia Tenggara secara tidak langsung telah berjaya memperoleh agihan keuntungan yang bersifat relatif ini dengan mencapai kadar keuntungan perkapita negara sehingga mencecah lapan peratus untuk sekurang-kurangnya 7-8 tahun berturut-turut sebelum dilanda Krisis Ekonomi 1997. Malah beberapa buah negara Asia Tenggara yang lain seperti Thailand dan Malaysia telah digelar sebagai 'ASEAN Tiger'. Pakar peramal kajian antarabangsa, John Naisbitt (*Megatrends*, 1982) juga turut meramalkan bahawa pentas pertumbuhan ekonomi dunia untuk abad ke-21 akan berada di rantau Asia.

Dengan erti kata yang lain, isu keselamatan dan pertahanan, bukan tidak penting, tetapi telah ditenggelami dengan isu persaingan ekonomi global dan pasaran bebas yang lebih dominan. Selain daripada itu, pelbagai ramalan dan jangkaan yang bersifat futuristik telah dilontarkan tentang masa depan sistem politik antarabangsa yang berasaskan kepada sistem negara-bangsa pada pasca Perang Dingin. Bermula dengan karya Yoshihiro Francis Fukuyama (*The End of History and the Last Man*, 1992), Kenichi Ohmae (*The End of the Nation State* 1995, *The Borderless World*, 1990), Richard Rosecrance (*The Rise of Virtual State*, 1999) dan lain-lain lagi yang secara umumnya berpandangan pesimis terhadap kelangsungan sistem politik negara bangsa dan juga dominannya isu-isu ekonomi global dan pasaran bebas.

Bukan itu sahaja, dengan berakhirnya Perang Dingin, Samuel Huntington (*The Clash of Civilization*, 1993), telah meramalkan suatu lagi 'imej kekacauan global' sistem politik antarabangsa yang akan mencabar tahap kesetiaan entiti masyarakat kepada negara-bangsa yang berpaut kepada sistem dunia barat melalui Perjanjian Westphalia 1648. Kekacauan global ini adalah lebih kepada jangkaan Huntington yang mengatakan bahawa pertembungan ketamadunan bakal tercetus antara dunia barat dengan dunia bukan barat (termasuklah Dunia Islam). Tercetusnya pertembungan ini akan menyebabkan masyarakat dalam sesebuah negara bangsa akan lebih berpaut dengan ikatan budaya dan tamadun masyarakat yang sama dalam negara bangsa yang lain. Mereka akan meminggirkan ikatan politik dan batasan geo-ekonomi antara negara bangsa. Mungkin, menurut Robert D. Kaplan (*The Coming Anarchy*, 1994), apabila ini berlaku, kewujudan anarki (huru-hara) akan wujud kerana ikatan perpaduan masyarakat akan lebih bersifat 'kepuaan' dan juga keserantauan.

Ringkasnya, sebelum tercetusnya Tragedi 11 September 2001, sekurang-kurangnya terdapat dua imej dominan kekacauan global sistem hubungan antarabangsa yang cuba dipaparkan oleh beberapa tokoh sarjana sistem hubungan dan politik ekonomi antarabangsa. Pertama, isu dunia tanpa sempadan yang lebih dikuasai oleh pasaran bebas global dan kedua masyarakat antarabangsa bakal menyaksikan pertembungan dua blok ketamadunan abad ke-21 antara dunia barat dan bukan barat. Pada hakikatnya, jika diamati kedua-dua imej global ini, terdapat sekurang-kurangnya dua persamaan parameter yang boleh dihubungkaitkan. Persamaan yang dimaksudkan ialah kedua-dua imej; pasaran bebas dan pertembungan budaya, memaparkan satu pergerakan melampaui batasan geo-politik negara bangsa dan

Kekacauan imej global sistem hubungan a-bangsa moden

kedua-dua imej ini juga cenderung untuk menyatakan bahawa sistem politik negara bangsa bakal berakhir.

Namun, bersandarkan kepada fenomena semasa, masyarakat antarabangsa sama ada secara sedar ataupun tidak (malah perlu diakui bahawa para sarjana hubungan antarabangsa bukannya peramal terbaik akan apa yang berlaku pada masa hadapan), setelah meledaknya Tragedi 11 September 2001, dunia seakan terpacu seperti yang dicanangkan oleh Samuel Huntington tentang bakal pertembungan ketamadunan barat dengan dunia bukan barat. Runtuhan dua bangunan simbol pemerintahan Washington; Pusat Dagangan Dunia di New York dan Bangunan Pentagon di utara Virginia serta 'dakwaan' keterlibatan pergerakan Islam iaitu 'Al-Qaeda' dalam tragedi ini (Sean D. Murphy Januri 2002, Ruth Wedgewood April 2002 & Robert S. Snyder Fall 2003) telah menyebabkan dasar luar pentadbiran Amerika Syarikat di era George W. Bush (2001-2009) lebih terfokus ke arah 'Peperangan Menentang Keganasan'. Fenomena keganasan global (global terrorism) telah menenggelamkan kembali isu dunia tanpa sempadan yang didominasi oleh pasaran bebas antarabangsa.

Kekacauan imej global sistem hubungan antarabangsa pasca Tragedi 11 September 2001 secara tiba-tiba terpaku kepada satu epik perjuangan Washington yang belum tentu ada penghujungnya. Sasaran ataupun musuh yang begitu dikehendaki oleh pihak pentadbiran Washington adalah sekumpulan penggalan antarabangsa yang begitu sukar untuk dijejaki. Ini disebabkan oleh perlaku dan karektor kumpulan terrorisme tersebut yang bersifat 'stateless' (tanpa merujuk khusus kepada sesebuah negara). Walau bagaimanapun terdapat beberapa buah negara di Timur Tengah yang dianggap oleh pentadbiran Bush sebagai paksi lokasi pergerakan Al-Qaeda. Bertitik-tolak daripada pendirian Bush ini, Rejim Saddam Hussein di Iraq dan Rejim Taliban di Afghanistan telah digulingkan oleh pentadbiran Bush. Manakala, pergerakan Hamas dan Hezbollah juga telah dikategorikan sebagai kumpulan penggalan yang perlu diambil tindakan agar struktur politik dunia Timur Tengah lebih bersifat demokratik dan suasana kestabilan mampu dijelaskan semula.

Sama ada betul atau tidaknya jangkaan yang telah dicanangkan oleh Huntington bukanlah suatu persoalan yang perlu disangkalkan lagi, apa yang lebih penting ialah sistem hubungan antarabangsa sejak September 2001 sehingga ke hari ini telah dihujani dengan isu persoalan keselamatan global dan kritikan terhadap peranan ketua negara bangsa iaitu 'Kuasa Hegemoni' (pada erti kata ini Amerika Syarikat) untuk menjernihkan semula keadaan adalah amat dituntut agar dunia lebih aman dan selamat.

Persoalannya di sini ialah adakah masyarakat negara bangsa tidak mempunyai pilihan langsung untuk menentukan halatuju dunia supaya keadaan lebih makmur berbanding pada hari ini? Menurut prisma disiplin Hubungan Antarabangsa, keadaan dunia sama ada berada dalam keadaan anarki ataupun tidak adalah lebih dipengaruhi oleh tiga elemen yang saling berkaitrapat antara satu dengan yang lain. Tiga elemen tersebut ialah pengaruh kepimpinan, sistem politik-ekonomi domestik sesebuah negara dan sistem politik antarabangsa. Namun, pada erti kata ini sistem politik antarabangsa adalah lebih bersifat unipolar. Pundak pemerintahan dunia dibayangi oleh kuasa hegemoni Amerika Syarikat. Dengan demikian, kesemua ketiga-tiga elemen ini telah diserap masuk untuk mendokong survival kuasa hegemoni itu tadi. Maksudnya, sistem kepimpinan, sistem politik-ekonomi domestik negara bangsa dan wajah sistem politik antarabangsa akan sentiasa berada selari dengan kehendak kuasa hegemoni tersebut (Mungkin terdapat sebilangan kecil negara bangsa yang bersifat anti-hegemoni seperti Cuba, Korea Utara, dan Iran). Kuasa hegemoni ini pula sewajarnya bertindak sebagai pelindung kepada semua entiti negara bangsa yang berada di dalam 'jagaannya', ia juga sepatutnya bertindak sebagai pembina asas keadilan sejagat dan 'penyedia' keperluan asas kepada semua negara bangsa. Malangnya peranan ketua negara bangsa pada erti kata ini seperti tidak mampu untuk merasmiaskan impian masyarakat antarabangsa

terutamanya dalam memberikan sebuah wilayah berstatus 'negara' kepada entiti masyarakat yang masih belum memiliki sebuah negara merdeka.

Masyarakat negara bangsa perlu mengakui bahawa pasca Perang Dingin telah menyajikan peluang yang luas khususnya kepada entiti masyarakat yang tidak mempunyai negara untuk membentuk sebuah negara yang berdaulat dan merdeka. Peluang untuk sesuatu entiti masyarakat untuk mewujudkan sebuah negara telah digarisbawankan oleh dunia barat sejak Perjanjian Westphalia 1648 lagi. Malah, Presiden Woodrow Wilson (1913-1921) juga telah menekankan agar dasar pentadbiran sendiri (self-determination) diberikan kepada masyarakat antarabangsa. Akan tetapi sehingga kini, tidak semua entiti masyarakat negara-bangsa berjaya menikmati parameter ini.

Puak Kurdis, etnik utara Ireland dan masyarakat Palestin (realitinya lebih daripada apa yang disebutkan) adalah antara mereka yang masih belum mencapai sebuah negara bangsa yang berdaulat dan merdeka. Rintihan dan tangisan sering kali dipamerkan kepada pemimpin negara bangsa untuk mendengar hasrat dan impian mereka. Putus asa dengan usaha ini, mereka telah bangun mengangkat senjata untuk mendapatkan hak yang mesti mereka miliki. Akibat daripada tindakan ini, mereka dianggap sebagai kumpulan yang telah mencetuskan keganasan? Namun, keperitan hidup mereka terutamanya masyarakat Palestin telah mengundang simpati masyarakat antarabangsa dan secara tidak langsung juga tertubuhnya beberapa rangkaian kumpulan pejuang (sudah tidak merujuk kepada negara bangsa bersesuaian dengan pandangan Huntington yang mengatakan bahawa masyarakat dalam sesebuah negara bangsa akan lebih berpaut dengan ikatan budaya dan tamadun masyarakat yang sama dalam negara bangsa yang lain) yang sanggup berjuang untuk membela entiti masyarakat yang terpinggir dari arus perdana global.

Dalam perkataan lain, ketua negara bangsa dan para pemimpin masyarakat negara barat yang lain pada hakikatnya telah maklum tentang keperluan asas ini. Ini kerana sistem politik-ekonomi yang ada pada hari ini adalah adalah hasil ciptaan mereka sendiri. Segala ejen globalisasi terdiri dari kerajaan demokrasi, pasaran bebas dan pentadbiran sendiri melalui penubuhan sebuah negara adalah sistem yang mereka cuba aplikasi kepada kesemua entiti masyarakat antarabangsa. Peluang yang saksama seharusnya diberikan kepada entiti masyarakat dunia yang berhak menerima agar kestabilan dan keamanan sejagat dapat dikecapai.

Kini setelah pentadbiran George W. Bush berakhir berikutnya perlantikan Barack Hussein Obama II sebagai Presiden Amerika Syarikat ke-44 pada 20 Januari 2009, tahap kekacauan imej global sistem hubungan antarabangsa moden akan digalas sepenuhnya oleh Presiden Amerika Syarikat yang baru ini. Masyarakat negara bangsa sedang ternanti-nanti apakah wajah sistem hubungan antarabangsa akan dapat bergantung dari isu keselamatan dan keganasan global ke arah isu dan matlamat yang lebih bermanfaat kepada semua lapisan masyarakat antarabangsa. Sekali lagi sukar untuk dirasmikan. Apapun, setelah Presiden Obama menggalas jawatan Presiden Amerika Syarikat, pelbagai usaha telah dan sedang dilakukan bagi memastikan bahawa kuasa hegemoni ini masih relevan dalam memperjuangkan hak-hak ke manusia sejagat.

Antaranya pentadbiran Presiden Obama menyatakan kesungguhan untuk meneruskan semula Perjanjian Damai Asia Barat yang telah tergantung sejak sekian lama, khususnya dalam merasmiaskan rakyat Palestin untuk memiliki sebuah negara merdeka. Rundingan Netanyahu dengan pihak pemimpin Palestin akan diangkat akhirnya. Usaha ini bukannya sesuatu yang mudah dengan situasi perbalahan yang berlurut-lurut antara Fatah dan Hamas. Walau bagaimanapun, jentera pentadbiran Presiden Obama sedar bahawa Hamas tidak boleh diketepikan dalam hal ini memandangkan kemenangannya dalam pilihanraya pada tahun 2006 yang lalu. Selain daripada itu, dunia melihat Amerika Syarikat masih berhadapan dengan isu ancaman senjata nuklear yang pada ketika ini lebih terfokus kepada dua buah negara iaitu Korea Utara dan Iran (dianggap mampu memiliki senjata nuklear). Tumpuan yang lebih khusus kepada dua buah negara mungkin dianggap sebagai suatu tindakan yang kurang tepat kerana usaha menyeluruh dalam menangani isu ini adalah lebih penting dan pada masa yang sama persepsi positif terhadap pemilikan tenaga nuklear (bukan senjata nuklear) perlu ditekankan.

Seterusnya, agenda yang lebih penting lagi, pentadbiran Presiden Obama sedang berusaha untuk memulihkan semula hubungan Washington dengan negara-negara dan masyarakat Islam keseluruhannya yang agak terjejas sejak tragedi 11 September 2001 dan juga disebabkan oleh dasar anti-terrorism yang dilaungkan Presiden Bush Junior. Tidak dapat dinafikan bahawa isu keganasan global telah menjelaskan hubungan Amerika Syarikat dengan blok dunia Islam. Kegansaan global pada erti kata ini, malangnya, lebih dikaitkan dengan aktiviti pergerakan Kumpulan Al-Qaeda, puak Taliban di Afghanistan, puak Hamas di Palestin, rejim Hezbollah di Lebanon, ancaman pejuang bunuh diri di Iraq dan lain-lain lagi. Sinonimnya perkataan 'terrorism' dengan kumpulan pejuang Islam pada hari ini boleh ditafsirkan sebagai suatu kebetulan kerana situasi semasa (keadaan domestik negara-negara dan masyarakat yang terlibat) yang menyebabkan mereka bertindak supaya suara dan rintihan kumpulan ini didengar. Pada masa yang sama juga, pentadbiran Presiden Obama perlu juga meneliti dan melihat dengan bijaksana mengapa mereka bertindak sedemikian rupa. Adakah hak asasi dan keperluan asas mereka telah dibela oleh masyarakat antarabangsa ataupun sentiasa dipandang sipi?

Presiden Obama terus berusaha memperbaiki hubungan Amerika Syarikat dengan dunia Islam. Lawatan terbaru Presiden Obama ke Mesir dan seterusnya menyampaikan ucapan di Universiti Cairo, Presiden Amerika Syarikat ini bermula dengan nada yang memberangsangkan dengan berkata "...I've come here to Cairo to seek a new beginning between the United States and Muslims around the world, one based on mutual interest and mutual respect, and one based upon the truth that America and Islam are not exclusive and need not be in competition." Presiden Obama yakin bahawa Amerika Syarikat dan dunia Islam memiliki persamaan dan perjuangan yang boleh dikongsi bersama. Menurut Presiden Obama era 'empayar' (kolonialisme) telah berakhir. Presiden ini menyeru dunia Islam melihat Amerika Syarikat sebagai satu simbol kemajuan dan pembangunan sejagat. Dengan menggunakan latar belakang kehidupan, Presiden Obama menjelaskan bahawa tahap kefahamannya tentang dunia Islam adalah jelas dan terbuka. Ini kerana, ayahnya yang berasal dari Kenya juga terdapat sekumpulan masyarakat Islam yang memaparkan nilai-nilai murni terhadap masyarakat bukan Islam. Presiden Obama juga telah dibesarkan di Indonesia sebagai sebuah negara yang memiliki majoriti penduduk Islam. Interaksinya yang baik dengan masyarakat Islam di Indonesia boleh dijadikan sebagai jambatan penghubung bagi memulihkan semula hubungan Amerika Syarikat dengan dunia Islam.

Dengan erti kata yang lain, pentadbiran Presiden Obama pada erti kata ini cuba meyakinkan kepada warga Amerika Syarikat bahawa dia mampu untuk menjernihkan semula persepsi dunia Islam terhadap kuasa hegemoni ini, di samping memperbaiki tahap kehidupan mereka di peringkat domestik. Manakala, Presiden Obama juga sedang berusaha untuk memberikan keyakinan semula kepada dunia Islam bahawa Washington tidak mengamalkan dasar anti-Islam tetapi tujuan dasar luar Amerika Syarikat pada masa ini ialah lebih tertumpu kepada kestabilan dan keamanan dunia. Tanpa kestabilan dan keamanan sejagat, krisis ekonomi dunia dan keganasan global akan terus merajai wacana kehidupan masyarakat antarabangsa, termasuklah dunia Islam. Oleh yang demikian, semua pihak perlulah berganding bahu untuk mengelakkkan keharmonian dan kemakmuran yang ada agar dapat terus dinikmati oleh masyarakat antarabangsa pada masa-masa mendatang.